



SYARIKAT AIR MELAKA BERHAD	KOD : ABMS/BI/MK/03
JABATAN : JABATAN UNDANG-UNDANG & INTEGRITI (BAHAGIAN INTEGRITI)	TARIKH WUJUD: 30 JULAI 2021
TAJUK : MANUAL KOD ETIKA RAKAN NIAGA SYARIKAT AIR MELAKA BERHAD	NO.SEMAKAN: 1 EDISI : 2
	TARIKH SEMAKAN : 6 FEBRUARI 2023
	MUKA SURAT : 1 DARIPADA 16

## **KANDUNGAN:**

- 1.0 PENGENALAN
- 2.0 SKOP
- 3.0 TANGGUNGJAWAB
- 4.0 DEFINISI
- 5.0 GARIS PANDUAN KOD ETIKA RAKAN NIAGA
- 6.0 RUJUKAN
- 7.0 LAMPIRAN

Disediakan oleh:  Tandatangan:   Nama : NORZAWANI BINTI IBRAHIM	Disemak oleh:  Tandatangan:   Nama : NORHAYATI BINTI KUDRI	Diluluskan oleh:  Tandatangan:   Nama : ABD RASHID BIN AB RAHMAN
---	--	--

<b>SYARIKAT AIR MELAKA BERHAD</b>	<b>KOD : ABMS/BI/MK/03</b>
<b>JABATAN : JABATAN UNDANG-UNDANG &amp; INTEGRITI (BAHAGIAN INTEGRITI)</b>	<b>TARIKH WUJUD: 30 JULAI 2021</b>
<b>TAJUK : MANUAL KOD ETIKA RAKAN NIAGA SYARIKAT AIR MELAKA BERHAD</b>	<b>NO.SEMAKAN: 1 EDISI : 2</b>
	<b>TARIKH SEMAKAN : 6 FEBRUARI 2023</b>
	<b>MUKA SURAT : 2 DARIPADA 16</b>

## 1.0 OBJEKTIF

- 1.1 Syarikat Air Melaka Berhad (SAMB) adalah komited terhadap proses perolehan yang memupuk saingan yang adil dan terbuka serta dilaksanakan di bawah piawaian etika yang tinggi dan diyakini oleh orang awam.
- 1.2 Kod Etika Rakan Niaga SAMB ini menggariskan prinsip-prinsip dan tahap tingkah laku yang dijangkakan daripada setiap rakan niaga, pekerja-pekerja mereka, sub-kontraktor dan sub-rakan niaga SAMB dalam memenuhi pemberian atau pelaksanaan kontrak barang, perkhidmatan, kerja dan perolehan am.

## 2.0 SKOP

Manual ini menjelaskan secara terperinci tentang kod etika dan prinsip-prinsip kod etika yang perlu dipatuhi oleh rakan niaga selaras dengan visi dan misi SAMB dalam mengekalkan piawaian yang tinggi dalam tadbir urus SAMB dalam meningkatkan akauntabiliti, ketelusan, integriti dan kemampunan dalam perolehan SAMB bagi mengurang dan membasmi gejala rasuah.

## 3.0 TANGGUNGJAWAB

- 3.1 Pegawai SAMB bertanggungjawab untuk menjalankan pemantauan dan penyeliaan isu-isu rakan niaga dibawah seliaan termasuk pematuhan Kod Etika ini.
- 3.2 Pegawai SAMB bertanggungjawab memantau, melaksanakan penguatkuasaan dan melaporkan kegagalan mana-mana rakan niaga yang gagal mematuhi manual ini.

SYARIKAT AIR MELAKA BERHAD	KOD : ABMS/BI/MK/03
JABATAN : JABATAN UNDANG-UNDANG & INTEGRITI (BAHAGIAN INTEGRITI)	TARIKH WUJUD: 30 JULAI 2021
TAJUK : MANUAL KOD ETIKA RAKAN NIAGA SYARIKAT AIR MELAKA BERHAD	NO.SEMAKAN: 1 EDISI : 2
	TARIKH SEMAKAN : 6 FEBRUARI 2023
	MUKA SURAT : 3 DARIPADA 16

- 3.3 Rakan Niaga perlu mematuhi Kod Etika yang berkuatkuasa.
- 3.4 PKPK / Eks. PK perlu memastikan Rakan Niaga memahami dan menandatangani Kod Etika Rakan Niaga serta memenuhi borang soal selidik rakan niaga sebelum SAMB berurusan dengan pihak ketiga, adalah berkewajiban untuk melakukan usaha semakan latar belakang sewajarnya untuk memahami perniagaan dan latar belakang pihak yang berurusan bagi memastikan bahawa syarikat berurusan dengan pihak yang mematuhi nilai dan etika integriti seperti mana SAMB menjalankan operasinya.
- 3.5 PKPK / Eks. PK hendaklah memastikan sesalinan Kod Etika Rakan Niaga dan Soal Selidik Rakan Niaga disertakan bersama dokumen tender/sebut harga yang diedarkan kepada pembida / perunding. Sesalinan Perakuan Pematuhan Kod Etika Rakan Niaga seperti di **LAMPIRAN A** dan Soal Selidik Rakan Niaga seperti di **LAMPIRAN B**. Proses ini hendaklah dinyatakan dalam Prosedur Perolehan.
- 3.6 Apabila menghantar dokumen tender/sebut harga setiap pembida hendaklah memastikan dokumen tersebut diisi dengan lengkap dan ditandatangani serta dikepaskan bersama dokumen tender/sebut harga.
- 3.7 Manual ini boleh dipinda dari semasa ke semasa atas kelulusan Ketua Pegawai Eksekutif.

SYARIKAT AIR MELAKA BERHAD	KOD : ABMS/BI/MK/03
JABATAN : JABATAN UNDANG-UNDANG & INTEGRITI (BAHAGIAN INTEGRITI)	TARIKH WUJUD: 30 JULAI 2021
TAJUK : MANUAL KOD ETIKA RAKAN NIAGA SYARIKAT AIR MELAKA BERHAD	NO.SEMAKAN: 1 EDISI : 2
	TARIKH SEMAKAN : 6 FEBRUARI 2023
	MUKA SURAT : 4 DARIPADA 16

#### 4.0 DEFINISI

**Rakan Niaga** bermaksud individu atau entiti yang berurusan atau membuat urus niaga dengan SAMB dalam skop kod etika ini dan termasuklah rakan niaga yang dilantik SAMB dan bercadang untuk mengadakan atau sedang dalam kontrak dengan SAMB.

**Wakil Rakan Niaga** bermaksud rakan niaga, penyedia perkhidmatan, pembekal, kontraktor, perunding dan ejen (“Pihak Ketiga”) yang menyediakan kerja, produk, barang, peralatan, bahan atau perkhidmatan atau tindakan untuk atau atas nama SAMB, termasuk tetapi tidak terhad kepada pekerja mereka, sekutu atau pihak ketiga atau subkontraktor lain yang telah dilibatkan oleh Pihak Ketiga untuk melaksanakan perkhidmatan, atau menyediakan produk kepada, atau bertindak untuk atau bagi pihak Syarikat (secara kolektif, dikenali sebagai “Kakitangan”).

**Hadiah** termasuklah wang, harta alih atau tak alih, kenderaan, tambang percuma, saham, tiket loteri, kemudahan perjalanan, hiburan, perkhidmatan, keahlian kelab, apa-apa bentuk diskaun atau komisen, hamper, barang kemas, perhiasan, apa-apa pemberian, cenderamata, atau apa-apa benda yang bernilai yang diberi kepada atau diterima oleh pegawai itu, isterinya atau saudaranya atau mana-mana orang lain, bagi pihaknya daripada mana-mana orang, dengan tiada balasan (without consideration) atau balasan yang diketahui oleh pegawai itu tidak mencukupi ataupun mencukupi

**Ahli Keluarga** bermaksud seorang anggota keluarga dan termasuk suami-isteri, ibu-bapa, anak (termasuk anak angkat dan anak tiri), saudara lelaki dan saudara perempuan pegawai SAMB serta suami/isteri kepada anak, saudara lelaki atau saudara perempuan pegawai SAMB.

SYARIKAT AIR MELAKA BERHAD	KOD : ABMS/BI/MK/03
JABATAN : JABATAN UNDANG-UNDANG & INTEGRITI (BAHAGIAN INTEGRITI)	TARIKH WUJUD: 30 JULAI 2021
TAJUK : MANUAL KOD ETIKA RAKAN NIAGA SYARIKAT AIR MELAKA BERHAD	NO.SEMAKAN: 1 EDISI : 2
	TARIKH SEMAKAN : 6 FEBRUARI 2023
	MUKA SURAT : 5 DARIPADA 16

**Pegawai Pengantara** (*contactperson*) bermaksud mana-mana pegawai SAMB yang ditugaskan bagi mengendalikan urusan perolehan tender, sebut harga atau pembelian terus dari mula dikeluarkan sehingga semua urusan rakan niaga dilaksanakan oleh rakan niaga atau wakil rakan niaga.

**Perhubungan Yang Dilarang** bermaksud perhubungan secara lisan atau bertulis dengan mana-mana pegawai, Ahli Lembaga Pengarah atau lain-lain pegawai SAMB, selain daripada Pegawai Pengantara yang mana boleh secara munasabah diandaikan bahawa perhubungan tersebut bertujuan untuk mempengaruhi atau secara munasabah boleh mempengaruhi perkara-perkara yang berkaitan dengan perolehan tersebut. Larangan ini termasuklah dan tidak terhad kepada perjumpaan peribadi, komunikasi telefon, surat, faks dan e-mel. Larangan ini tidaklah termasuk perhubungan dengan pegawai SAMB atas sebab untuk perbincangan tentang kerja yang sedang dilakukan yang mana tiada kaitan dengan urusan perolehan yang sedang dalam tindakan.

**Pegawai SAMB** bermaksud mana-mana pegawai dan kakitangan termasuk mana-mana Ahli Lembaga Pengarah SAMB dan anak syarikatnya.

## 5.0 GARIS PANDUAN MANUAL KOD ETIKA RAKAN NIAGA :

### 5.1 PRINSIP-PRINSIP

SAMB menjangka rakan niaga perlu menjalankan perniagaan mengikut piawaian etika yang tinggi, termasuk pematuhan kepada prinsip-prinsip berikut:

#### i. Jujur Melaksanakan Tanggungjawab

Semua Rakan Niaga dan wakil Rakan Niaga hendaklah menjalankan

SYARIKAT AIR MELAKA BERHAD	KOD : ABMS/BI/MK/03
JABATAN : JABATAN UNDANG-UNDANG & INTEGRITI (BAHAGIAN INTEGRITI)	TARIKH WUJUD: 30 JULAI 2021
TAJUK : MANUAL KOD ETIKA RAKAN NIAGA SYARIKAT AIR MELAKA BERHAD	NO.SEMAKAN: 1 EDISI : 2
	TARIKH SEMAKAN : 6 FEBRUARI 2023
	MUKA SURAT : 6 DARIPADA 16

transaksi perniagaan dan aktiviti-aktiviti mereka dengan jujur, amanah, bertanggungjawab dan berintegriti. Semua rakan niaga dan wakil rakan niaga hendaklah:

- Merekod dan melaporkan secara jujur dan tepat semua maklumat perniagaan;
- Bertanggungjawab menjaga aset fizikal dan intelektual SAMB, termasuk hartanah serta bekalan dan peralatan apabila diberi kuasa oleh SAMB untuk menggunakan aset tersebut; dan
- Memastikan semua rekod, komunikasi dan pendedahan yang berkaitan dengan SAMB dibuat dengan penuh adil, tepat pada masanya dan boleh difahami.

## ii. Mematuhi Undang-Undang

Semua Rakan Niaga SAMB dan wakil Rakan Niaga hendaklah menerima dan mematuhi semua peraturan SAMB serta pindaannya dari semasa ke semasa ketika menjalankan perniagaan mereka.

Semua Rakan Niaga dan wakil Rakan Niaga hendaklah:

- Mematuhi terma dan syarat-syarat yang telah dipersetujui di dalam perjanjian kontrak;
- Mematuhi semua peraturan dan undang-undang sivil dan/atau jenayah negara;
- Mematuhi undang - undang berkenaan rasuah dan sogokan termasuk Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694); dan
- Mematuhi semua undang-undang dan peraturan alam sekitar yang berkaitan dengan bahan-bahan berbahaya, perlepasan udara,

SYARIKAT AIR MELAKA BERHAD	KOD : ABMS/BI/MK/03
JABATAN : JABATAN UNDANG-UNDANG & INTEGRITI (BAHAGIAN INTEGRITI)	TARIKH WUJUD: 30 JULAI 2021
TAJUK : MANUAL KOD ETIKA RAKAN NIAGA SYARIKAT AIR MELAKA BERHAD	NO.SEMAKAN: 1 EDISI : 2
	TARIKH SEMAKAN : 6 FEBRUARI 2023
	MUKA SURAT : 7 DARIPADA 16

bahan buangan dan sisa buangan

### **iii. Menjauhi Rasuah**

Rakan Niaga tidak akan, secara langsung atau tidak langsung, meminta, menawar, memberi atau berjanji untuk memberi sesuatu ganjaran berbentuk wang, barang atau perkhidmatan kepada mana-mana anggota SAMB sebagai balasan untuk keputusan, pendapat, undian atau tindakan lain yang mempengaruhi sebarang keputusan perolehan.

Selain itu, semua rakan niaga dan wakil rakan niaga hendaklah:

- Tidak bersubahat dalam melakukan aktiviti yang berunsur rasuah; dan
- Segera melaporkan kepada Pengurus Integriti jika terdapat perlakuan atau cubaan rasuah dilakukan oleh pegawai SAMB atau rakan niaga lain.

### **iv. Mengelakkan Percanggahan Kepentingan**

- **Tiada Tolak Ansur**

Rakan Niaga tidak dibenarkan menawarkan atau memberi hadiah sama ada secara langsung atau tidak langsung kepada mana - mana pegawai SAMB. Dalam keadaan yang sama rakan niaga tidak dibenarkan menawar atau memberi apa - apa hadiah secara langsung atau tidak langsung kepada ahli kelurga pegawai SAMB.

- **Bayaran Pemudahcara**

Rakan Niaga tidak akan menggunakan khidmat atau mengambil mana-mana

SYARIKAT AIR MELAKA BERHAD	KOD : ABMS/BI/MK/03
JABATAN : JABATAN UNDANG-UNDANG & INTEGRITI (BAHAGIAN INTEGRITI)	TARIKH WUJUD: 30 JULAI 2021
TAJUK : MANUAL KOD ETIKA RAKAN NIAGA SYARIKAT AIR MELAKA BERHAD	NO.SEMAKAN: 1 EDISI : 2
	TARIKH SEMAKAN : 6 FEBRUARI 2023
	MUKA SURAT : 8 DARIPADA 16

individu atau entiti untuk berunding atau mendapat kontrak SAMB atas apa-apa perjanjian atau persefahaman untuk membayar komisen, kadar peratusan, yuran broker atau yuran yang tertakluk atau bergantung kepada keputusan perolehan yang sedang dalam tindakan.

Rakan Niaga yang mempunyai percanggahan atau berpotensi mempunyai percanggahan kepentingan dengan mana-mana pegawai SAMB, hendaklah memaklumkan dengan segera kepada pihak pengurusan SAMB sama ada sebelum atau selepas pelantikan dan pemilihan.

Pihak pengurusan SAMB berhak dalam membuat keputusan menentukan sama ada rakan niaga tersebut perlu menarik diri atau sebaliknya.

v. **Menghindari Amalan Anti Kompetitif**

Semua rakan niaga SAMB dan wakil rakan niaga hendaklah mengamalkan persaingan yang sihat dan telus dalam urus niaga perolehan seperti tidak memberi maklumat palsu atau mengelirukan kepada rakan niaga yang lain, menyembunyi atau memusnah dokumen.

- **Penilaian Tender/Sebut harga Secara Bebas**

Rakan Niaga akan membuat perkiraan harga yang terkandung dalam mana-mana tender atau sebut harga secara berasingan tanpa sebarang pakatan, perundingan, komunikasi atau persetujuan dengan mana-mana rakan niaga saingan yang bertujuan mengurangkan saingan semasa tender atau sebut harga dibuat kepada SAMB

- **Tiada Sebarang Komunikasi Tentang Tender / Sebut Harga**

Harga yang disebut oleh rakan niaga dalam tender atau sebut harga tidak akan dihebahkan oleh rakan niaga secara langsung atau tidak langsung

SYARIKAT AIR MELAKA BERHAD	KOD : ABMS/BI/MK/03
JABATAN : JABATAN UNDANG-UNDANG & INTEGRITI (BAHAGIAN INTEGRITI)	TARIKH WUJUD: 30 JULAI 2021
TAJUK : MANUAL KOD ETIKA RAKAN NIAGA SYARIKAT AIR MELAKA BERHAD	NO.SEMAKAN: 1 EDISI : 2
	TARIKH SEMAKAN : 6 FEBRUARI 2023
	MUKA SURAT : 9 DARIPADA 16

kepada mana-mana rakan niaga lain yang memasuki tender atau sebut harga sebelum tarikh tutup tender atau sebut harga tersebut.

- **Tender/ Sebut Harga**

Rakan Niaga tidak dibenarkan membuat apa-apa cubaan untuk menggalakkan mana-mana individu atau entiti lain untuk membuat atau tidak memasuki tender atau sebut harga kepada SAMB.

**vi. Bertanggungjawab Ke Atas Maklumat Sulit Dan Aset SAMB**

- **Maklumat Sulit**

Rakan Niaga hendaklah melindungi kerahsiaan, integriti dan maklumat yang sedia ada yang diamanahkan kepada mereka oleh SAMB melainkan jika pendedahan tersebut dibenarkan oleh SAMB atau maklumat bersebut dikehendaki oleh undang-undang dan mahkamah.

Maklumat sulit adalah maklumat *proprietary* SAMB atau pihak ketiga yang digunakan oleh SAMB, yang mana jika didedahkan atau diubah suai oleh individu yang tidak dibenarkan, boleh mengakibatkan risiko kerugian kewangan dan menjatuhkan reputasi serta prestasi SAMB.

- **Aset SAMB**

Semua rakan niaga SAMB dan wakil rakan niaga hendaklah mematuhi hak-hak pemilikan harta intelek SAMB termasuk tetapi tidak terhad kepada hak cipta, paten, tanda dagangan dan rahsia perdagangan.

Teknologi maklumat dan sistem yang disediakan oleh SAMB hanya boleh digunakan untuk tujuan yang berkaitan dengan perniagaan SAMB.

SYARIKAT AIR MELAKA BERHAD	KOD : ABMS/BI/MK/03
JABATAN : JABATAN UNDANG-UNDANG & INTEGRITI (BAHAGIAN INTEGRITI)	TARIKH WUJUD: 30 JULAI 2021
TAJUK : MANUAL KOD ETIKA RAKAN NIAGA SYARIKAT AIR MELAKA BERHAD	NO.SEMAKAN: 1 EDISI : 2
	TARIKH SEMAKAN : 6 FEBRUARI 2023
	MUKA SURAT : 10 DARIPADA 16

Rakan niaga dan wakil rakan niaga dilarang daripada menggunakan teknologi dan sistem yang disediakan oleh SAMB untuk mencipta, mengakses, menyimpan, mencetak, meminta atau menghantar sebarang bahan yang mengganggu, mengancam, kesat, lucah atau menghantar sebarang komunikasi palsu, menghina atau berniat jahat.

- **Media**

Jika Rakan Niaga mempunyai pertanyaan daripada media atau pihak ketiga yang berkaitan dengan SAMB, Rakan Niaga hendaklah menghubungi dan mendapatkan persetujuan SAMB sebelum memberikan sebarang maklumat kepada media atau pihak ketiga tersebut yang merangkumi penganalisis kewangan dan pemegang saham mahupun orang awam.

- **Pelanggan**

Rakan Niaga mesti memastikan bahawa kandungan mana-mana bahan pemasaran atau iklan yang berkaitan dengan SAMB atau sekutunya adalah tepat dan benar dan tidak mengelirukan, palsu atau menghilangkan fakta penting.

Rakan Niaga mesti mematuhi semua keperluan kualiti dan keselamatan yang dikenakan oleh undang-undang, mana-mana badan pengawal selia atau Syarikat.

Dalam sebarang interaksi dan hubungan dengan pelanggan untuk atau bagi pihak SAMB, Rakan Niaga mesti mengekalkan standard etika dan perniagaan yang paling tinggi dan mesti melaksanakan dengan profesional.

SYARIKAT AIR MELAKA BERHAD	KOD : ABMS/BI/MK/03
JABATAN : JABATAN UNDANG-UNDANG & INTEGRITI (BAHAGIAN INTEGRITI)	TARIKH WUJUD: 30 JULAI 2021
TAJUK : MANUAL KOD ETIKA RAKAN NIAGA SYARIKAT AIR MELAKA BERHAD	NO.SEMAKAN: 1 EDISI : 2
	TARIKH SEMAKAN : 6 FEBRUARI 2023
	MUKA SURAT : 11 DARIPADA 16

## vii. Kepentingan Kualiti Piawaian Dan Kemahiran

Semua rakan niaga SAMB dan wakil rakan niaga hendaklah sentiasa memberi dan meningkatkan piawaian etika serta kualiti kerja yang tinggi ketika menyempurnakan urusniaga.

Semua rakan niaga dan wakil rakan niaga hendaklah :

- Memperoleh lesen/permit yang diperlukan sebagai rakan niaga barang atau perkhidmatan untuk SAMB;
- Menyediakan tenaga kerja berkemahiran tinggi, mencukupi dan berkualiti dalam menyempurnakan urusniaga; dan
- Mengguna dan membekalkan peralatan yang memenuhi kualiti yang ditetapkan bagi menjalankan aktiviti yang dipertanggungjawabkan.
- Semua rakan niaga mestilah mengutamakan perasaan hormat-menghormati terhadap semua pihak yang terlibat dalam sesbuah kontrak termasuklah menghormati nilai sejarah, agama, kepercayaan dan kebudayaan masyarakat sepanjang tempoh melaksanakan kontrak.
- Semua rakan niaga mestilah mengelak dari mengamalkan diskriminasi dalam bentuk berdasarkan kaum, umur, jantina, negeri dan negara asal, keupayaan atau orientasi seksual dalam masa perlaksanaan kontrak.
- Semua rakan niaga mestilah memastikan bahawa setiap pekerja disediakan persekitaran kerja yang memuaskan, dilayan dengan adil, dibayar dengan ganjaran yang setimpal dan membantu mereka dari aspek pembangunan kerjaya serta kebijakan dengan sewajarnya.

SYARIKAT AIR MELAKA BERHAD	KOD : ABMS/BI/MK/03
JABATAN : JABATAN UNDANG-UNDANG & INTEGRITI (BAHAGIAN INTEGRITI)	TARIKH WUJUD: 30 JULAI 2021
TAJUK : MANUAL KOD ETIKA RAKAN NIAGA SYARIKAT AIR MELAKA BERHAD	NO.SEMAKAN: 1 EDISI : 2
	TARIKH SEMAKAN : 6 FEBRUARI 2023
	MUKA SURAT : 12 DARIPADA 16

**viii. Hadiah,Keraian, Hospitaliti Korporat, Sumbangan Dan Tajaan Kebajikan,  
Dan Sumbangan Politik**

- Hadiah  
Tidak ada hadiah yang ditawarkan dan / atau diterima sebagai balasan untuk keuntungan perniagaan yang menyerupai rasuah.
- Sumbangan dan Tajaan  
Syarikat menyedari bahawa pemberian derma dan tajaan boleh menimbulkan risiko rasuah kerana melibatkan pembayaran kepada pihak ketiga tanpa pulangan yang nyata. Tiada sumbangan kebajikan boleh dilakukan sekiranya sumbangan tersebut boleh dianggap sebagai mempengaruhi pihak lain yang mana SAMB mempunyai hubungan perniagaan dengan pihak tersebut.  
•  
• Sumbangan Politik  
Anda tidak dibenarkan membuat sebarang sumbangan politik bagi pihak syarikat.

**viii. Bayaran Pemudahcara Dan / Atau Pembayaran / Ugutan / Paksaan**

- SAMB melarang anggota SAMB menerima bayaran Pemudahcara yang melibatkan pembayaran atau faedah tidak rasmi dan tidak wajar, termasuk hadiah, keraian atau hospitaliti, untuk mendapatkan atau mempercepatkan tindakan rutin/operasi kerja kerana ia dilihat sebagai satu bentuk rasuah. Semua anggota SAMB dan pihak ketiga yang terlibat dalam mana-mana perniagaan yang berurusan dengan SAMB tidak boleh menawarkan, berjanji, memberi, meminta atau menerima apa-apa yang boleh dianggap sebagai Bayaran Pemudahcara. Bayaran Pemudahcara

SYARIKAT AIR MELAKA BERHAD	KOD : ABMS/BI/MK/03
JABATAN : JABATAN UNDANG-UNDANG & INTEGRITI (BAHAGIAN INTEGRITI)	TARIKH WUJUD: 30 JULAI 2021
TAJUK : MANUAL KOD ETIKA RAKAN NIAGA SYARIKAT AIR MELAKA BERHAD	NO.SEMAKAN: 1 EDISI : 2
	TARIKH SEMAKAN : 6 FEBRUARI 2023
	MUKA SURAT : 13 DARIPADA 16

adalah termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang diskaun, rebat, komisen, perkhidmatan, faedah, balasan bernilai atau faedah lain atau pembayaran dalam apa jua bentuk (sama ada secara tunai atau dalam bentuk barang) yang tidak dibenarkan oleh peraturan, polisi atau garis panduan.

- Pemerasan adalah tuntutan memenuhi kepuasan sama ada atau tidak dengan ancaman jika permintaan itu ditolak.

#### ix. Kesihatan, Keselamatan Dan Persekutaran (“KKP”)

- Keselamatan adalah tanggungjawab semua orang. Anda mesti memastikan persekitaran yang selamat dan sihat untuk semua orang termasuk orang awam dan mematuhi semua undang-undang yang berkaitan, dasar Syarikat, sistem dan proses yang berkaitan KKP.
- Dalam melaksanakan kerja, barang atau perkhidmatan kepada Syarikat anda mesti mematuhi semua polisi dan prosedur Syarikat yang berkaitan dengan KKP; dan
- Menghadiri mana-mana taklimat kesedaran KKP Syarikat, jika diminta oleh Syarikat

#### 5.2 i) BERURUSAN DENGAN PENJAWAT AWAM

“Penjawat awam atau kerajaan” merangkumi tanpa had kepada penjawat daripada mana-mana parti politik dan pegawai daripada perusahaan milik negeri, selain daripada SAMB. Pemberian hadiah, hiburan atau layanan baik kepada penjawat awam atau ahli keluarga mereka adalah dianggap simptom awal rasuah. Sekiranya kakitangan SAMB telah mendapat kelulusan untuk menyediakan hadiah, hiburan atau layanan mesra kepada penjawat awam, anggota SAMB tersebut perlu memastikan hadiah, hiburan atau layanan

<b>SYARIKAT AIR MELAKA BERHAD</b>	<b>KOD : ABMS/BI/MK/03</b>
<b>JABATAN : JABATAN UNDANG-UNDANG &amp; INTEGRITI (BAHAGIAN INTEGRITI)</b>	<b>TARIKH WUJUD: 30 JULAI 2021</b>
<b>TAJUK : MANUAL KOD ETIKA RAKAN NIAGA SYARIKAT AIR MELAKA BERHAD</b>	<b>NO.SEMAKAN: 1 EDISI : 2</b>
	<b>TARIKH SEMAKAN : 6 FEBRUARI 2023</b>
	<b>MUKA SURAT : 14 DARIPADA 16</b>

berkenaan tidak berlebihan atau mewah, dan haruslah setimpal dengan jawatan penjawat awam tersebut, dan bukan atas kapasiti peribadi. Anggota SAMB juga perlu tahu akan undang-undang tempatan yang mentadbir aktiviti berkaitan dan juga untuk memastikan pematuhanya.

#### **ii) ANGGOTA SAMB SEBAGAI PENJAWAT AWAM**

- Di bawah Seksyen 3 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (“Akta SPRM 2009”), anggota SAMB boleh dianggap sebagai penjawat awam kerana SAMB adalah sebuah syarikat milik Kerajaan Negeri di mana Kerajaan Negeri mempunyai hak dan kuasa kawalan secara langsung atau tidak langsung terhadap SAMB.
- Untuk mengelakkan perlanggaran undang-undang dan menekankan komitmen SAMB kepada perlakuan beretika, anggota SAMB harus sentiasa mematuhi polisi dan peraturan SAMB berkaitan dengan pemberian hadiah, hiburan dan layanan mesra yang melebihi dan mewah, tidak sesuai, haram atau bertujuan untuk mempengaruhi keputusan perniagaan atau dengan pemahaman bahawa, sebagai balasan, diharapkan akan mendapat beberapa hasil yang diinginkan.

#### **5.3 PELANGGARAN KOD**

Sebarang pelanggaran atas mana-mana peruntukan dalam kod etika rakan niaga ini, SAMB boleh mengambil tindakan mengikut undang-undang atau seperitimana yang telah dipersetujui oleh pihak-pihak dalam apa-apa kontrak, termasuk tetapi tidak terhad, kepada mengisyiharkan rakan niaga sebagai tidak bertanggungjawab atau melanggar kontrak atau dihalang dari meneruskan urusan rakan niagaan.

Rakan niaga hendaklah patuh sepenuhnya kepada semua undang-undang dan

SYARIKAT AIR MELAKA BERHAD	KOD : ABMS/BI/MK/03
JABATAN : JABATAN UNDANG-UNDANG & INTEGRITI (BAHAGIAN INTEGRITI)	TARIKH WUJUD: 30 JULAI 2021
TAJUK : MANUAL KOD ETIKA RAKAN NIAGA SYARIKAT AIR MELAKA BERHAD	NO.SEMAKAN: 1 EDISI : 2
	TARIKH SEMAKAN : 6 FEBRUARI 2023
	MUKA SURAT : 15 DARIPADA 16

peraturan - peraturan berkenaan rasuah, sogokan dan amalan perniagaan yang dilarang. Pelanggaran kod etika rakan niaga ini atau sebarang peruntukan di bawahnya boleh menyebabkan rakan niaga dikenakan hukuman jenayah atau sivil mengikut undang-undang.

**Antara tindakan yang akan dikenakan atas ketidakpatuhan kepada kod ini atau mana-mana dasar atau polisi berkaitan integriti yang berkuatkuasa adalah:**

- i. Penalti/denda;
- ii. Penamatan kontrak; dan
- iii. Disenaraihitam atau dibatalkan pendaftaran bagi tempoh tertentu bagi ketidakpatuhan yang berulang.

#### **5.4 Dasar Perlindungan Pemberi Maklumat (Whistleblower Policy)**

SAMB telah menetapkan Prosedur Perlindungan Pemberi Maklumat dan Siasatan Integriti, yang boleh didapati di laman web SAMB.

Prosedur membolehkan Rakan Niaga untuk mengemukakan masalah yang benar mengenai yang sebenarnya atau disyaki tidak beretika , menyalahi undang - undang , salah laku atau lain - lain kelakuan tidak wajar dan juga menetapkan proses untuk menguruskan sebarang tindakan, intimidasi atau gangguan terhadap pemberi maklumat.

##### **5.4.1 Melaporkan Permintaan Hadiah**

Rakan niaga adalah bertanggungjawab untuk melaporkan dengan segera kepada Pengurus integriti SAMB apa-apa atau semua permintaan hadiah yang dibuat kepada Rakan niaga atau wakil rakan niaga oleh mana-mana pegawai atau Ahli Lembaga Pengarah SAMB.

SYARIKAT AIR MELAKA BERHAD	KOD : ABMS/BI/MK/03
JABATAN : JABATAN UNDANG-UNDANG & INTEGRITI (BAHAGIAN INTEGRITI)	TARIKH WUJUD: 30 JULAI 2021
TAJUK : MANUAL KOD ETIKA RAKAN NIAGA SYARIKAT AIR MELAKA BERHAD	NO.SEMAKAN: 1 EDISI : 2
	TARIKH SEMAKAN : 6 FEBRUARI 2023
	MUKA SURAT : 16 DARIPADA 16

#### 5.4.2 Melaporkan Perubahan Penting

Rakan Niaga adalah di bawah tanggungjawab yang berterusan untuk melaporkan apa-apa perubahan keadaan yang memberi kesan yang besar ke atas mana-mana laporan terdahulu kepada SAMB termasuk, tetapi tidak terhad kepada pendedahan konflik kepentingan.

#### 5.4.3 Pendedahan Salah Laku

Rakan niaga digesa melaporkan dengan segera sebarang salah laku yang menyalahi undang- undang atau amalan tidak beretika dan pelanggaran terhadap Manual Rakan Niaga ini oleh mana- mana Warga kerja SAMB. Semua isu atau aduan yang dilaporkan oleh Rakan Niaga yang timbul dari penggunaan Manual ini akan diambil segala usaha yang munasabah untuk dirahsiakan identiti orang yang membuat laporan tersebut.

Rakan niaga boleh menghubungi pihak berikut jika ada sebarang laporan atau aduan salah laku oleh pegawai SAMB dalam pelaksanaan kod etika rakan niaga ini.

Alamat : Pengurus Integriti SAMB  
 Bahagian Integriti  
 Jabatan Undang-Undang & Integriti  
 Syarikat Air Melaka Berhad  
 Tingkat 9, Wisma Air  
 Jalan Graha Maju  
 75300 Melaka  
 E-mel [integriti@samb.com.my](mailto:integriti@samb.com.my)

#### 5.4.4 Kewajipan Melaporkan Tawaran Rasuah/Suapan

Rakan Niaga adalah diingatkan tentang peruntukan Seksyen 17, Akta Pencegahan Rasuah Malaysia 2009, iaitu tanggungjawab untuk melaporkan kepada SPRM atau pihak PDRM sekiranya mereka diberi atau

SYARIKAT AIR MELAKA BERHAD	KOD : ABMS/BI/MK/03
JABATAN : JABATAN UNDANG-UNDANG & INTEGRITI (BAHAGIAN INTEGRITI)	TARIKH WUJUD: 30 JULAI 2021
TAJUK : MANUAL KOD ETIKA RAKAN NIAGA SYARIKAT AIR MELAKA BERHAD	NO.SEMAKAN: 1 EDISI : 2
	TARIKH SEMAKAN : 6 FEBRUARI 2023
	MUKA SURAT : 17 DARIPADA 16

dijanjikan atau ditawarkan apa-apa bentuk suapan. Adalah menjadi kesalahan dan boleh dikenakan denda di bawah Akta tersebut, sekiranya gagal mematuhi peruntukan berkenaan.

## 5.5 KEWAJIPAN RAKAN NIAGA

Semua bakal Rakan Niaga dan yang sedia ada dikehendaki untuk mematuhi prinsip dan polisi yang diterangkan dalam Kod Etika Rakan Niaga ini. Untuk memenuhi tanggungjawab ini, setiap Rakan niaga dan Wakil Rakan Niaga serta semua kakitangan mereka mestilah:

- a. Membaca dan memahami Kod Etika ini;
- b. Memantau sendiri pematuhan kepada Kod Etika ini;
- c. Melaporkan kejadian pelanggaran Kod Etika Rakan Niaga kepada Pengurus Integriti bila mana terdapat situasi yang menyebabkan operasinya bercanggah dengan etika ini;
- d. Memberi kerjasama sepenuhnya terhadap siasatan yang dibuat

## 6.0 RUJUKAN

- i) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009
- ii) Manual Sistem Pengurusan Anti Rasuah (ABMS/BI/MK/01)
- iii) Manual Tatatertib Syarikat Air Melaka Berhad
- iv) Manual Kod Etika Tatakelakuan (ABMS/BI/MK/04)
- v) Prosedur Perlindungan Pemberi Maklumat & Siasatan Integriti (ABMS/BI/PK/05)

## 7.0 LAMPIRAN

- LAMPIRAN A : Perakuan Pematuhan Kod Etika Rakan Niaga  
LAMPIRAN B : Soal Selidik Rakan Niaga



LAMPIRAN A	
KOD PROSEDUR	: ABMS/BI/MK/03
NO. SEMAKAN	: 1
EDISI	: 02
TARIKH SEMAKAN	: 6 FEBRUARI 2023

## PERAKUAN PEMATUHAN KOD ETIKA RAKAN NIAGA

Saya / Kami dengan ini mengesahkan bahawa saya/kami telah membaca dan memahami Kod Etika Rakan Niaga Syarikat Air Melaka Berhad dan saya / kami faham bahawa Kod Etika ini meliputi semua individu atau entiti yang berurusan atau membuat urusniaga dengan Syarikat Air Melaka Berhad termasuk dan tidak terhad kepada Sub-Kontraktor, Sub-Perunding, Sub-Rakan niaga serta Pengilang/Pemaju yang bertindak bagi pihak saya / kami, Pegawai dan Pekerja saya / kami.

Saya / Kami dengan ini bersetuju bahawa saya / kami akan mematuhi sepenuhnya semua peruntukan Kod Etika Rakan niaga ini dan memahami tanggungjawab saya /kami untuk melaporkan segera apa-apa kejadian pelanggaran Kod Etika Rakan Niaga yang diketahui atau mungkin timbul dari pelanggaran Kod Etika ini kepada Syarikat Air Melaka Berhad

Saya / kami juga mengesahkan bahawa saya / kami memahami bahawa sebarang pelanggaran atas mana-mana peruntukan dalam Kod Etika Rakan Niaga ini, Syarikat Air Melaka Berhad boleh mengambil tindakan mengikut undang-undang atau sepetimana telah dipersetujui oleh kedua-dua pihak dalam apa-apa kontrak, termasuk tetapi tidak terhad, kepada mengisyiharkan Rakan niaga sebagai tidak bertanggungjawab, telah melanggari kontrak atau dihalang dari meneruskan urusan rakan niagaan.

Cop Syarikat	Tandatangan Rakan niaga
Nama Rakan niaga	

Bahagian Integriti, Jabatan Undang-Undang & Integriti Tingkat 9, Wisma Air,Jalan Hang Tuah 75300 Melaka

Email: integriti@samb.com.my



## SOAL SELIDIK RAKAN NIAGA

Syarikat Air Melaka Berhad (SAMB) berdedikasi untuk menjalankan perniagaannya secara profesional dan berintegriti. SAMB menghargai hubungannya agar semua kontraktor, subkontraktor, konsultan, pemaju dan ingin terus menjalin hubungan dengan rakan niaganya dengan berdedikasi untuk mematuhi etika-etika dan prinsip-prinsip perniagaan.

Sebagai sebahagian daripada komitmen kami, SAMB mengharapkan kontraktor, subkontraktor, konsultan, pemaju dan lain-lain rakan niaga yang melakukan kerja atau perkhidmatan untuk atau bagi pihak SAMB untuk mematuhi semua undang-undang yang berkuatkuasa dan sebarang panduan atau manual lain yang relevan ketika melakukan kerja atau perkhidmatan tersebut.

Oleh itu, sebelum SAMB berurusan dengan pihak ketiga, kami berkewajiban untuk melakukan usaha semakan latar belakang sewajarnya untuk memahami perniagaan dan latar belakang pihak yang berurusan dengan kami untuk memastikan bahawa kami berurusan dengan pihak yang mematuhi nilai dan etika integriti seperti mana SAMB menjalankan operasinya.

Sila lengkapkan soal selidik berikut, menggunakan halaman tambahan jika perlu, dan kembalikan salinan yang telah diimbas dan ditandatangani kepada pegawai SAMB yang bertanggungjawab. Sekiranya anda kemudian mengetahui bahawa salah satu maklumat yang diberikan di bawah adalah salah atau tidak lengkap, betulkan atau lengkapkannya (sebagaimana berkenaan) dan maklumkan kepada kami secepat mungkin.

Maklumat yang diberikan akan disemak oleh SAMB and akan disimpan sebagai SULIT sehingga pendedahan diarahkan oleh mana-mana pihak berwajib.

SEKSYEN A		
1. MAKLUMAT SYARIKAT		
NO	SOALAN	MAKLUM BALAS
1	Nama Syarikat (dan mana-mana nama dan / atau nama yang didaftarkan sebelumnya).	
2	Nama lain (selain nama berdaftar)	
3	Nombor pendaftaran	
4	Negeri penubuhan	Tarikh penubuhan
5	Status Korporat (Persendirian, perkongsian, dll)	

## SEKSYEN A

### 1. MAKLUMAT SYARIKAT

NO	SOALAN	MAKLUM BALAS
6	Jenis Perniagaan Syarikat	
7	Alamat berdaftar	
8	Alamat Perniagaan	
9	Nombor Telefon	

### 2. RAKAN KONGSI

Syarikat induk (Nama Penuh Berdasarkan Undang-undang)		Negeri	
Syarikat Induk Utama (Nama Penuh Berdasarkan Undang-undang)		Negeri	

Sila berikan butiran berikut mengenai Pemegang Saham Syarikat.

Nama Penuh Undang- undang (Individu/ Syarikat)	Kewarganegaraan/ Bidang Kuasa	No Pendaftaran	Alamat	Jumlah Perkongsian	% Perkongsian	Jenis Perkongsian

Sila berikan gambar rajah struktur pegangan saham Syarikat.

Sila berikan butiran mengenai Pemilik Manfaat Tunggal Syarikat.

Nama Penuh Syarikat (Individu / Syarikat)	Kewarganegaraan	No Pendaftaran	Alamat	Jumlah Perkongsian	% Perkongsian	Jenis Perkongsian

### 3. Lembaga Pengarah

Nama Penuh	Warganegara	Jawatan	Tarikh Lantikan	Tarikh Lahir

### 4. Pengurusan Syarikat

Sila nyatakan butiran Pengurusan tertinggi

Nama Penuh	Warganegara	Jawatan	Tempoh Dalam Jawatan	Tempoh berkhidmat dalam industri/ bidang berkaitan

### 5. Pengaturan Kontrak

Adakah syarikat berhasrat memasuki kontrak dengan entiti berlainan ?  Ya  Tidak

Jika ada, sila berikan maklumat lanjut seperti berikut:.

Nama Penuh	No. Pendaftaran	Hubungan dengan Syarikat	Negeri	Tarikh Perbadanan	Operasi Perniagaan

Adakah Syarikat melantik sumber luar/sub kontrak atau berhasrat untuk penyumberan luar bagi apa-apa perkhidmatannya yang berkaitan dengan pengaturan kontrak dengan SAMB?

Ya  Tidak

Jika ya, sila nyatakan maklumat lanjut seperti di bawah: bagi kontraktor pihak ketiga.

*Sila nyatakan sebarang penyumberan luar berkaitan dengan pengaturan kontrak berkaitan dengan transaksi yang memerlukan kebenaran SAMB*

Nama entity kontraktor pihak ketiga	Negara	Tarikh Perbadanan	Bidang tugas	Catatan

<b>SEKSYEN B</b> <b>ETIKA &amp; INTEGRITI</b>		
No.	Soalan-soalan	Jawapan
	<b>SEKSYEN B : ETIKA &amp; INTEGRITI – ANTI RASUAH</b>	
1	<p>Adakah mana-mana pengarah semasa atau kakitangan utama semasa Syarikat merupakan Pegawai Awam?</p> <p><b>HURAIAN</b>  Untuk kemudahan rujukan, "Pegawai Awam" hendaklah termasuk yang berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i) seseorang yang diambil bekerja oleh pihak berkuasa awam yang memegang jawatan perundangan, eksekutif, pentadbiran atau kehakiman, sama ada dilantik atau dipilih, sama ada tetap atau sementara, sama ada bergaji atau tidak bergaji, tanpa mengira kekanan orang itu;</li> <li>ii) mana-mana orang lain yang menjalankan fungsi awam, termasuk untuk agensi awam atau perusahaan awam, atau menyediakan perkhidmatan awam; atau</li> <li>iii) mana-mana orang lain yang ditakrifkan sebagai "pegawai awam" dalam undang-undang domestik sesebuah negara.</li> </ul>	<input type="checkbox"/> Ya <input type="checkbox"/> Tidak  Senaraikan Lembaga Pengarah yang memegang jawatan sebagai pegawai kerajaan.
2	Sila dedahkan sebarang hubungan yang Syarikat, sekutunya, pengarhnya dan/atau pekerja utama ada atau ada dengan mana-mana Pegawai Awam yang berkaitan dengan transaksi tersebut.	<input type="checkbox"/> Ya <input type="checkbox"/> Tidak <i>Jika ya, seila berikan maklumat lanjut.</i>
3	Adakah sebarang pembayaran telah dibuat oleh atau bagi pihak Syarikat dalam tempoh lima tahun yang lalu kepada mana-mana Pegawai Awam (secara langsung/tidak langsung)?	<input type="checkbox"/> Ya <input type="checkbox"/> Tidak <i>Jika ya, seila berikan maklumat lanjut.</i>
4	Adakah Syarikat mempunyai sebarang hubungan dengan kakitangan SAMB semasa yang terlibat dalam transaksi ini?	<input type="checkbox"/> Ya <input type="checkbox"/> Tidak <i>Jika ya, seila berikan maklumat lanjut.</i> <ul style="list-style-type: none"> <li>i) Nama Penuh Undang-undang</li> <li>ii) Jawatan yang disandang</li> <li>iii) Tugas/Tugas Jawatan</li> <li>iv) Tempoh (tarikh mula &amp; tamat)</li> <li>v) Hubungan / perihal hubungan dengan pekerja</li> </ul>
5	Adakah mana-mana kerajaan, agensinya atau organisasi terkawal, atau mana-mana organisasi lain yang menjalankan fungsi kerajaan mempunyai sebarang kepentingan atau menjalankan sebarang kawalan ke atas perniagaan Syarikat?	<input type="checkbox"/> Ya <input type="checkbox"/> Tidak <i>Jika ya, seila berikan maklumat lanjut.</i>
6	Adakah Syarikat mempunyai dokumen berikut yang mematuhi dasar dan peraturan anti-rasuah dan rasuah yang berkaitan?	<input type="checkbox"/> Ya <input type="checkbox"/> Tidak <i>Jika ya, seila berikan maklumat lanjut.</i>

No.	Soalan-soalan	Jawapan
	i) tatakelakuan pekerja bertulis; ii) polisi anti-rasuah dan rasuah bertulis; dan iii) dasar dan proses untuk melaporkan rasuah jika didapati	
7	Jika Ya, adakah Syarikat menyebarkan perkara di atas kepada semua pekerjanya?	<input type="checkbox"/> Ya <input type="checkbox"/> Tidak
8	Adakah Syarikat menjalankan latihan kesedaran anti-rasuah dan rasuah kepada pekerjanya?	<input type="checkbox"/> Ya <input type="checkbox"/> Tidak <i>Jika ya, seila berikan maklumat kekerapan</i>
9	Adakah Syarikat mempunyai sebarang komunikasi lain tentang anti-rasuah ? Bersama pihak SPRM	<input type="checkbox"/> Ya <input type="checkbox"/> Tidak <i>Jika ya, seila berikan maklumat lanjut.</i>
10	Adakah Syarikat (atau mana-mana ahli gabungannya, pemegang saham, pengarah atau pekerja utamanya) pernah menjadi subjek sebarang sabitan atau pendakwaan, atau adakah subjek bagi sebarang penyiasatan atau siasatan yang belum selesai oleh pihak berkuasa awam, berhubung dengan rasuah atau rasuah?	<input type="checkbox"/> Ya <input type="checkbox"/> Tidak <i>Jika ya, seila berikan maklumat lanjut.</i>
11	Adakah Syarikat memerlukan kontraktor, sub-kontraktor dan pihak ketiga yang lain untuk mematuhi etika dan dasar pematuhaninya (termasuk anti-rasuah) ?	<input type="checkbox"/> Ya <input type="checkbox"/> Tidak
12	Adakah Syarikat (atau mana-mana orang atau entiti yang disenaraikan dalam soal selidik ini) pernah dihalang daripada bersaing untuk kontrak kerajaan di mana-mana negara?	<input type="checkbox"/> Ya <input type="checkbox"/> Tidak <i>Jika ya, seila berikan maklumat lanjut.</i>
	<b>SEKSYEN B II: ETIKA &amp; INTEGRITI – AKTA PENCEGAHAN PENGUBAHAN WANG HARAM DAN PENCEGAHAN PEMBIAYAAN KEGANASAN 2001 (AML)</b>	
13	Adakah Syarikat mempunyai sebarang kenyataan/komitmen terhadap AML?  Nota: Kenyataan/komitmen mungkin menjadi sebahagian daripada kod tingkah laku Syarikat atau polisi anti-rasuah dan rasuah.	<input type="checkbox"/> Ya <input type="checkbox"/> Tidak
14	Adakah Syarikat menyediakan latihan kesedaran AML kepada pekerjanya?	<input type="checkbox"/> Ya <input type="checkbox"/> Tidak <i>Jika ya, seila berikan maklumat lanjut.</i>
15	Adakah Syarikat (atau mana-mana ahli gabungan, pemegang saham, pengarah atau pekerja utamanya) pernah menjadi subjek sebarang sabitan atau pendakwaan, atau adakah subjek bagi sebarang siasatan atau siasatan yang belum selesai oleh pihak berkuasa awam, berhubung dengan AML?	<input type="checkbox"/> Ya <input type="checkbox"/> Tidak <i>Jika ya, seila berikan maklumat lanjut.</i>
	<b>SEKSYEN B III: ETIKA &amp; INTEGRITI – HAK-HAK KEMANUSIAAN</b>	
16	Adakah Syarikat mempunyai sebarang kenyataan / komitmen mengenai hak asasi manusia?	<input type="checkbox"/> Ya <input type="checkbox"/> Tidak
17	Adakah Syarikat menyediakan latihan kesedaran hak asasi manusia kepada pekerjanya?	

No.	Soalan-soalan	Jawapan
		<input type="checkbox"/> Ya <input type="checkbox"/> Tidak
18	Adakah Syarikat mempunyai mekanisme rungutan untuk pekerjanya dan adakah pekerja menyedari mekanisme rungutan tersebut?	<input type="checkbox"/> Ya <input type="checkbox"/> Tidak

**SEKSYEN C**  
**AKUAN**

Kami memahami dan mengakui bahawa SAMB mematuhi tingkah laku perniagaan yang baik dan komited untuk mematuhi semua undang-undang dan peraturan di mana-mana sahaja ia beroperasi termasuk tetapi tidak terhad kepada etika dan integriti, privasi data, berpandukan Kod Etika Rakan Niaga dan Kod Tatakelakuan SAMB dan Etika Perniagaan. ("KOD")

Sehubungan itu, kami mengesahkan dan mengisyiharkan bahawa, sepanjang pengetahuan kami, Syarikat dan/atau mana-mana sekutunya, termasuk pengarah, pegawai, pekerja dan mereka—

- (a) bukan sasaran atau subjek sebarang sekatan;
- (b) tidak dimiliki atau dikawal oleh mana-mana orang yang menjadi sasaran atau tertakluk kepada sebarang sekatan;
- (c) tidak bertindak untuk faedah atau bagi pihak mana-mana orang (termasuk tetapi tidak terhad kepada mana-mana orang asli, perbadanan, syarikat liabiliti terhad, amanah, usaha sama, persatuan, syarikat, perkongsian, Pihak Berkuasa Kerajaan atau entiti lain) yang adalah sasaran atau subjek sebarang sekatan;
- (d) tidak terlibat dalam sebarang kelakuan/aktiviti yang akan mengakibatkan kami melanggar sebarang sekatan atau menjadi sasaran atau subjek sekatan;
- (e) tidak pernah menjadi subjek sebarang sabitan atau pendakwaan atau sama ada ia subjek bagi sebarang penyiasatan yang belum selesai oleh pihak berkuasa awam, berhubung dengan peraturan kawalan eksport dalam tempoh 5 tahun yang lalu.

Untuk dna bagi pihak Syarikat (NYATAKAN NAMA SYARIKAT)

Ditandatangani oleh wakil sah Syarikat:

Tandatangan

Tarikh:

Nama:  
Jawatan:

## SEKSYEN D: PEMBERITAHUAN PENDEDAHAN

### Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 ("PDPA 2010")

Berdasarkan penguatkuasaan PDPA 2010, kami dengan ini ingin memberikan notis ini dan meminta persetujuan anda mengenai pemprosesan data peribadi anda serta memberikan jaminan komitmen kami untuk memastikan bahawa data anda diproses, disimpan dan tidak digunakan dengan selamat atau tidak digunakan atau didedahkan untuk tujuan lain selain urusan komersial yang kami ada dengan anda. Untuk akses ke data peribadi atau pembetulan dan / atau penghapusan data peribadi atau untuk maklumat mengenai polisi dan prosedur dan jenis data peribadi yang dikendalikan oleh kami, pihak tuan yang boleh dihubungi adalah:

Nama:  
Nombor telefon:  
Alamat emel:

## SEKSYEN E

### PENGESAHAN

Dengan menandatangani dokumen ini, yang bertandatangan di bawah, yang diberi kuasa untuk melengkapkan soal selidik ini, dengan ini mengesahkan perkara berikut:

- i) mengisyiharkan bahawa dia mempunyai, atau telah memperoleh daripada pihak berkuasa yang berkaitan dalam Syarikat, mandat dan kuasa yang sewajarnya untuk mendedahkan maklumat tersebut;
- ii) bersetuju untuk memproses maklumat sedemikian untuk tujuan yang diterangkan dalam Notis Pendedahan;
- iii) mengakui bahawa pemprosesan maklumat sedemikian mungkin dijalankan oleh pihak ketiga bagi pihak SAMB; dan
- iv) menyatakan bahawa maklumat yang diberikan dalam dokumen ini adalah, sepanjang pengetahuannya adalah tepat, terkini dan lengkap pada tarikh pendedahan.

Untuk dan bagi pihak (NYATAKAN NAMA SYARIKAT)

Ditandatangani oleh wakil sah Syarikat

Tandatangan:  
Nama:  
Jawatan:

Tarikh: